

NAMA TINGKATAN

MODUL PINTAS 2024
TINGKATAN 5

1249/1

SEJARAH

Kertas 1

1 jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

1249/1

[Lihat halaman sebelah

- 1 Berikut merupakan wilayah jajahan Kesultanan Melayu Melaka.

- Inderagiri
- Kampar

Bagaimanakah wilayah ini ditakluki?

- A Pertuanan
- B Peperangan
- C Perkahwinan
- D Persahabatan

- 2 Maklumat berikut berkaitan Hukum Kanun Melaka.

- Membunuh tanpa pengetahuan raja
- Memalsukan titah sultan

Apakah hukuman yang dikenakan kepada pesalah tersebut?

- A Menjalani kerahan tenaga
- B Penjara seumur hidup
- C Hukuman bunuh
- D Dibuang daerah

- 3 Apakah mesej yang disampaikan melalui karya *Cerita Awang Putat* oleh Abdul Rahim Kajai?

- A Menentang sistem sekularisme barat
- B Memajukan pendidikan kaum wanita
- C Mengungkap penderitaan hidup bangsa
- D Mengukuhkan perpaduan kaum peribumi

- 4 Apakah kejayaan persatuan al-Jamiah al-Khairiah di Singapura?

- I Membangkitkan semangat berniaga
 - II Memulakan pendidikan Inggeris
 - III Melahirkan golongan intelektual
 - IV Menulis rencana berinformasi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di Eropah.

Krisis Rantau Balkan

Pembunuhan Archduke Ferdinand, Putera Mahkota Austria-Hungary dan isterinya Sophie oleh seorang pemuda Serbia.

Apakah kesan segera daripada peristiwa berikut?

- A Pembentukan negara baharu
 - B Pemerintahan beraja berakhir
 - C Perang Dunia Pertama tercetus
 - D Pembubaran Perjanjian Versailles
- 6 *Kakeo Kokokai* merupakan gabungan persatuan Cina di Sarawak. Apakah yang ingin dicapai oleh Jepun melalui pertubuhan tersebut?
- A Menubuhkan sekolah latihan
 - B Mengawal kegiatan penduduk
 - C Menghapuskan pengaruh barat
 - D Mengembalikan kepercayaan rakyat
- 7 Mengapakah British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu?
- A Meningkatkan pelaburan ekonomi
 - B Menghapuskan pengaruh barat
 - C Menghapuskan sistem beraja
 - D Menjaga kaum bumiputera
- 8 Pejabat Tanah Jajahan mendesak Vyner Brooke memberikan kuasa yang lebih luas kepada British di Sarawak. Mengapakah desakan tersebut dibuat?
- A Menolak pengaruh asing
 - B Memupuk perpaduan kaum
 - C Melindungi kebajikan rakyat
 - D Menguasai kekayaan ekonomi

- 9 Mengapakah PUTERA-AMCJA menolak cadangan perlembagaan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja?
- I Tiada wakil bukan Melayu
 - II Jati diri penduduk terhapus
 - III Syarat kewarganegaraan longgar
 - IV Kuasa British diperkukuh
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 10 Siapakah yang mengetuai kerajaan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Ketua Menteri
B Gabenor Jeneral
C Yang di-Pertuan Agong
D Pesuruhjaya Tinggi British
- 11 Tindakan di bawah dilakukan oleh Parti Komunis Malaya di Tanah Melayu.

- Mensabotaj kemudahan awam
- Menyerang pekerja awam

Apakah kesan tindakan tersebut?


- A Menghakis sokongan terhadap penjajah
B Menjejaskan kehidupan harian penduduk
C Memaksa penjajah memerdekakan negara
D Menggugat keberkesanan pentadbiran
- 12 Bagaimanakah Rancangan Briggs berjaya melemahkan pergerakan komunis di Tanah Melayu?
- A Menghancurkan peranan Min Yuen
B Memperkenalkan kad pengenalan
C Menganjurkan Rundingan Baling
D Memberi tawaran pengampunan

- 13 Maklumat berikut berkaitan pertubuhan di Tanah Melayu.

Angkatan Pemuda Insaf (API) ditubuhkan bagi memperjuangkan idea negara merdeka yang menekankan pemerintahan demokrasi dan dasar ekonomi yang mengutamakan rakyat dan keadilan sosial.

Mengapakah British bertindak mengharamkan pertubuhan tersebut?

- A Menjadi kumpulan radikal
 - B Menjalin kerjasama dengan Jepun
 - C Mendesak pelaksanaan Sistem Ahli
 - D Menyokong propaganda pengganas komunis
- 14 Gambar berikut merujuk kepada logo yang digunakan oleh Parti Perikatan.



Apakah rasional penggunaan logo tersebut?

- A Keadilan untuk semua
 - B Kemajuan negara diutamakan
 - C Kepentingan perpaduan kaum
 - D Kesediaan menempuh cabaran
- 15 Apakah tujuan Pilihan Raya Umum 1955 diadakan?
- A Mewujudkan Dewan Undangan Negeri
 - B Menentukan Yang di-Pertuan Agong Pertama
 - C Menetapkan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu
 - D Memilih anggota Majlis Perundangan Persekutuan

- 16 Sesi pembukaan Majlis Perundangan Persekutuan dilakukan pada 31 Ogos 1955. Mengapakah peristiwa tersebut penting kepada sejarah negara?
- A Mengukuhkan hubungan diplomatik dengan British
 - B Memantapkan kerjasama dengan negara luar
 - C Membuktikan kesungguhan berkerajaan sendiri
 - D Membuktikan kewibawaan pemimpin Parti Perikatan
- 17 Suruhanjaya berikut dibentuk bagi melicinkan proses kemerdekaan negara.

Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

- Apakah peranan suruhanjaya tersebut?
- A Merancang dasar
 - B Membentuk kerajaan
 - C Menyusun perlembagaan
 - D Melaksanakan pentadbiran
- 18 Apakah kaedah yang digunakan dalam menentukan pemilihan bunga kebangsaan?
- A Dibincangkan di Parlimen
 - B Ditentukan oleh pihak British
 - C Diputuskan oleh Jawatankuasa Kabinet
 - D Dibuat melalui tinjauan pendapat rakyat
- 19 Gambar berikut berkaitan badan perundangan negara.




Apakah simbolik daripada bangunan tersebut?

- A Pelaksanaan sistem beraja
- B Kekukuhan seni bina
- C Kekuatan perpaduan
- D Pengamalan demokrasi



- 20 Apakah ciri-ciri sebuah negara yang berdaulat?
- I Lambang
 - II Tentera
 - III Bahasa
 - IV Rakyat
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 21 Apakah tafsiran Ibnu Khaldun tentang kedaulatan?
- A Kepentingan mengatur pentadbiran
B Kebebasan dalam pemerintahan
C Keadilan dalam perundangan
D Kekuasaan sesebuah negara
- 22 Apakah garis pemisah antara negara kita dengan negara jiran?
- A Penetapan sempadan
B Penguatkuasaan undang-undang
C Perbezaan bentuk pentadbiran
D Pelaksanaan pilihan raya
- 23 Mengapakah British memperkenalkan undang-undang Charter of Justice di Negeri-negeri Selat?
- A Memudahkan pentadbiran
B Melindungi penduduk asal
C Memulihkan kuasa pemerintah
D Meningkatkan ekonomi negara
- 24 Mengapakah berlaku pindaan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1965?
- A Pemisahan Singapura
B Pembentukan Malaysia
C Pengisytiharan darurat
D Pemasyhuran kemerdekaan

- 25 Mengapakah kedudukan raja yang memerintah adalah lebih kukuh bagi pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu?
- A Pelaksanaan pengasingan kuasa
 - B Pembentukan sebuah Persekutuan
 - C Pengamalan Raja Berperlembagaan
 - D Pentadbiran negeri dilaksanakan oleh pembesar
- 26 Rajah berikut menunjukkan prinsip pengasingan kuasa di negara kita.



Apakah punca kuasa yang menentukan perkara tersebut?

- A Parlimen
 - B Majlis Raja-Raja
 - C Yang di-Pertuan Agong
 - D Perlembagaan Persekutuan
- 27 Bagaimanakah pemerintahan beraja berperanan bagi mengimbangi pemerintahan demokrasi di negara kita?
- I Berkuasa penuh dalam pentadbiran
 - II Mengamalkan sikap berkecuali
 - III Meredakan konflik pertikaian
 - IV Bertindak dengan budi bicara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

28 Apakah yang terkandung dalam Senarai Negeri?

- I Tanah
 - II Perhutanan
 - III Kewarganegaraan
 - IV Hal ehwal luar negeri
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

29 Bagaimanakah kerajaan Persekutuan menyelesaikan masalah perumahan pada awal kemerdekaan?

- A Menjual tanah pada harga yang rendah
B Menubuhkan agensi pembangunan negeri
C Melaksanakan Program Perumahan Rakyat
D Menubuhkan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan

30 Maklumat di bawah berkaitan dengan gabungan parti di Sarawak dan Sabah.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Sarawak Alliance• Sabah Alliance |
|---|

Apakah persamaan parti tersebut?

- A Menyokong penubuhan Malaysia
B Membincang proses kemerdekaan
C Mencadangkan Perlembagaan Persekutuan
D Memohon kelonggaran syarat kewarganegaraan

31 Peristiwa berikut berlaku di Sarawak.

- Krisis perlembagaan Sarawak 1966
- Pengisytiharan darurat September 1966

Apakah isu yang mencetuskan peristiwa tersebut?

- A Kedudukan kaum bumiputera
- B Kepimpinan Ketua Menteri
- C Perubahan kerusi Parlimen
- D Peruntukan kewangan

32 Mengapakah kerajaan memperkenalkan Strategi Counterinsurgency (COIN) di Tanah Melayu?

- A Mengawal rusuhan kaum
- B Menamatkan gencatan senjata
- C Mengatasi ancaman komunis
- D Memeterai perjanjian pertahanan

33 Mengapakah kerajaan memperkenalkan dasar pendidikan berikut?

- Laporan Rahman Talib
- Laporan Jawatankuasa Kabinet
- Falsafah Pendidikan Kebangsaan

- A Mempertingkatkan prasarana
- B Menyusun semula masyarakat
- C Mengekalkan kedaulatan negara
- D Melahirkan rakyat yang patriotik

- 34 Gambar berikut berkaitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).



Apakah tujuan penubuhannya?

- A Memartabatkan kedudukan bahasa kebangsaan
 - B Meningkatkan kemahiran pelbagai bahasa
 - C Memupuk jati diri penduduk tempatan
 - D Memperbanyak institusi pendidikan
- 35 Mengapakah Rancangan Buku Hijau diperkenalkan?
- A Memajukan sektor industri berat
 - B Menarik kemasukan pelabur luar
 - C Meningkatkan prasarana luar bandar
 - D Menambahkan pengeluaran makanan
- 36 Apakah usaha kerajaan untuk memperbaiki ketidakseimbangan pembangunan wilayah dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN)?
- A Peningkatan pelabur luar
 - B Penggunaan pertanian pintar
 - C Penswastaan syarikat perniagaan
 - D Pelibatan bumiputera dalam perusahaan
- 37 Mengapakah Malaysia menentang dasar Aparteid?
- A Menangani ancaman pengganas
 - B Membantah pemerdagangan orang
 - C Mempertahankan hak asasi manusia
 - D Mengurangkan aktiviti ketenteraan

- 38 Malaysia, Filipina dan Indonesia telah menubuhkan MAPHILINDO pada tahun 1963. Apakah tujuan pertubuhan tersebut?
- A Menjalin kerjasama ekonomi
 - B Mewujudkan kerjasama kebudayaan
 - C Menghapuskan komunis di Asia Tenggara
 - D Menyelesaikan isu pembentukan Malaysia
- 39 Kewibawaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dipertikaikan kerana gagal mengekalkan keamanan dunia. Apakah cadangan Malaysia bagi mengatasi perkara tersebut?
- A Memansuhkan kuasa veto
 - B Menukar kepimpinan tertinggi
 - C Menubuhkan pertubuhan baharu
 - D Melaksanakan perkongsian kuasa
- 40 Malaysia menandatangani Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara pada tahun 1995. Mengapakah Malaysia terlibat dalam perjanjian tersebut?
- A Memupuk keamanan dunia
 - B Menguji kekuatan ketenteraan
 - C Menjamin keselamatan serantau
 - D Menentang penyalahgunaan kuasa

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT